

04/02/2001

Mat Taib nafi burukkan kerajaan

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhammad Taib menafikan dakwaan seorang pemimpin pembangkang bahawa beliau memburuk-burukkan kerajaan ketika menunaikan umrah di Makkah, baru-baru ini.

Beliau tidak bertemu dengan Ketua Perhubungan Keadilan Selangor, Azmin Ali di sana walaupun Azmin menyatakan mereka berjumpa dan bercakap di depan Kaabah.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya tuduhan Azmin yang berkata bahawa saya bercakap dengan beliau di depan Kaabah memburuk-burukkan kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Bernama di sini semalam.

Beliau berkata Azmin, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Hulu Klang, membuat dakwaan itu ketika berucap di sini, baru-baru ini.

Muhammad menyifatkan dakwaan Azmin sebagai pembohongan bertujuan memecahbelahkan Umno.

"Saya percaya dia juga cuba hendak menggagalkan ikhtiar Perdana Menteri untuk mengadakan pertemuan dengan Pas berhubung perpaduan Melayu," katanya.

Muhammad berkata seorang kenalannya telah menghantar keratan akhbar mengenai ucapan Azmin itu kepadanya.

Katanya, beliau telah meminta peguamnya meneliti perkara itu sama ada hendak mengambil kes terhadap Azmin kerana mencemarkan namanya.

Muhammad berkata beliau bertemu Azmin ketika turun dari kapal terbang di Madinah dan kemudian pada satu majlis berbuka puasa di sana yang turut dihadiri oleh Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed Disember lalu.

Itupun, katanya, beliau, yang diiringi isteri dan anak, duduk berjauhan daripada Azmin pada majlis itu.

(END)